

# Panduan keselamatan elak jadi mangsa pasir jerlus

Takziah diucapkan kepada keluarga adik Noraiha Zaharah Mohamad Amran, 14; Nor Azwa Azniey Muhd Azmin, 10 dan Muhd Firdaus Mukhriz Mohd Azmin, 7, mangsa lemas dalam kejadian pasir jerlus di Sungai Lubok Nibong, Kuala Balah, Jeli, baru-baru ini.

Menurut ibu kepada seorang mangsa, ketika kejadian, Noraiha cuba menyelamatkan dua sepupu yang ditelan pasir jerlus sebelum dirinya turut lemas.

Kejadian pasir jerlus tidak dapat disedari kerana ia berlaku dalam sekelip mata.

### Kawasan lembap berisiko

Kawasan kerap berlaku pasir jerlus ialah kawasan lembap seperti di persisiran pantai, paya dan sungai atau di kawasan di mana

mata air bawah tanah berbuih.

Kemungkinan pasir jerlus terjadi amat tinggi. Justeru, jangan hanya melihat sahaja tetapi bergerak sedikit langkah dan rasakan keadaan tanah.

Jika tanah dipijak lembik, berundur ke belakang secepat mungkin. Pasir jerlus biasanya mengambil satu hingga dua saat sebelum ia mencair.

Langkah seterusnya ialah ber-tenang. Jika disedut ke dalam pasir jerlus, seseorang perlu ber-tenang supaya tubuh badan boleh mengapung dengan stabil dan membolehkan anda terapung perlahan-lahan.

Langkah ketiga ialah tarik nafas dalam-dalam. Perbuatan ini bu-kan hanya membantu mene-nangkan diri tetapi juga mem-buatkan anda lebih terapung. Ja-



Keratan akhbar yang melaporkan kejadian menimpa tiga sepupu baru-baru ini.

di anda tidak akan tenggelam kerana paru-paru anda dipenuhi dengan udara.

Langkah seterusnya ialah jika anda terperangkap dalam pasir jerlus, bergerak secara perlahan-lahan. Pergerakan perlahan akan

mengelakkan daripada mengge-rakkan pasir jerlus.

### Bengkokkan badan

Jika anda tenggelam separas tu-lang pinggul atau lebih tinggi da-ri padanya, bengkokkan badan ke

belakang. Lebih banyak berat anda lepaskan keluar semakin sukar untuk tenggelam.

Timbulkan anggota belakang sementara anda cuba menarik kaki keluar secara perlahan-lahan dan berhati-hati. Selepas kaki anda dibebaskan, anda mungkin boleh menjarakkan diri dengan cermat menggunakan lengan secara perlahan-lahan dan dengan lancar menimbulkan badan anda.

Jika anda berada di kawasan pinggiran pasir jerlus, anda boleh menggulingkan diri anda ke arah tanah yang lebih keras. Ini sedikit sebanyak dapat membantu anda apabila menghadapi situasi ber-kenaan.

Kita hanya merancang tetapi ingatlah sebaik-baik perancang adalah Allah SWT. Ajal maut sudah ditentukan oleh Allah SWT. Semoga roh mangsa lemas itu ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

**Nor Amilina Ismail,**  
Universiti Sains Islam Malaysia.